

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BALAGHAH DI MALAYSIA :
SATU KAJIAN SOROTAN.**

ZULAZHAN AB. HALIM

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia,
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu;

E-mel: zulazhan@udm.edu.my;

Tel: 09-6664466; **Faks:** 09-6671033

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Kertas kerja ini berkaitan dengan sorotan literatur kajian-kajian terdahulu mengenai pengajaran dan pembelajaran (P&P) Balaghah di Malaysia, samada di peringkat sekolah menengah atau pengajian tinggi. Ia bertujuan melihat permasalahan-permasalahan yang mendorong kajian dilakukan, mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dan menilai hasil dapatan kajian tersebut. Maklumat-maklumat berkaitan dikumpul melalui sorotan terhadap disertasi dan tesis sarjana dan doktor falsafah, buku berkaitan yang diterbitkan, bab dalam buku, makalah dalam jurnal, rencana dalam majalah atau akhbar dan laporan penyelidikan. Maklumat yang diperolehi melalui sorotan terhadap kajian terdahulu ini menjadi asas bagi penyelidik untuk membuat kajian pada masa hadapan.